



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)

Deputy Secretary General (Finance)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Telefon : 03-88832542

Fax. : 03-88885461

Ruj. Kami: (17)dLM.KKM-58/300/1-5 Jld.2

29 Disember 2014

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

Semua Pegawai Kesihatan Daerah/Pegawai Pergigian Daerah

Kementerian Kesihatan Malaysia

Y. Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2014 - GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS PERKHIDMATAN) 2014

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya fi baru perubatan warga asing dilaksanakan mulai 1 Januari 2015 secara berperingkat dalam tempoh empat tahun. Sehubungan dengan itu, satu taklimat mengenai pelaksanaan fi baru perubatan bagi warga asing telah diadakan pada 7 sehingga 21 Disember 2014 di semua Jabatan Kesihatan Negeri yang melibatkan pejabat kesihatan daerah, hospital, klinik kesihatan dan klinik pergigian bagi menjelaskan pelaksanaan fi baru ini.

3. Untuk makluman Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, selaras dengan pelaksanaan fi baru ini, semua sistem pengebilan bil pesakit (*itemised billing*) di hospital telah diubahsuai dan dikemaskini manakala bagi klinik kesihatan dikehendaki untuk melaksanakan fi baru ini dengan merujuk kepada Buku Jadual Fi Perubatan Warga Asing yang telah diedarkan semasa sesi taklimat pelaksanaan fi baru.

4. Kerjasama semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di semua peringkat KKM adalah dipohon untuk melaksanakan fi baru perubatan bagi warga asing sepetimana yang terkandung di dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai perkara ini hendaklah menghubungi Unit Hasil, Bahagian Kewangan, KKM.

5. Sehubungan dengan itu, sukacitanya bersama-sama ini dikemukakan Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 untuk makluman dan tindakan Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Untuk makluman juga, surat pekeliling ini juga boleh dirujuk melalui Portal Bahagian Kewangan, KKM, www.finance.moh.gov.my.

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2015**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. CHEN CHAW MIN)

s.k Ketua Setiausaha
 Ketua Pengarah Kesihatan
 Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
 Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
 Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
 Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
 Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
 Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
 Pengarah Keselamatan dan Kualiti Makanan
 Setiausaha/Pengarah Bahagian

Fail Timbul